

#Penularan COVID-19

KKMM kumpul maklum balas, pandangan rakyat

Wujud saluran khas pastikan pelaksanaan pengurusan darurat disampaikan secara holistik

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan mengumpul pandangan serta maklum balas rakyat bagi memberi gambaran sebenar kepada kerajaan mengenai situasi darurat semasa.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata kementerian berkenaan juga akan bertindak secara strategik dengan mewujudkan saluran khas bagi memastikan segala maklumat berkaitan pelaksanaan pengurusan darurat disampaikan kepada rakyat secara holistik serta tepat.

Katanya, Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat akan terus meneliti dan memantau perkara berjangkit daripada Prok-

lamasi Darurat agar dapat mengemukakan syor yang terbaik kepada Sidang Khas Darurat Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk dipertimbangkan.

Beliau turut menegaskan, pentadbiran perkhidmatan awam dalam tempoh darurat tidak akan terjejas dan berfungsi seperti sedia ada bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang berkuat kuasa.

"Saya juga ingin menegaskan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk sentiasa memastikan segala maklumat yang diterima, dipastikan terlebih dahulu kesahihannya.

"Penyebaran maklumat tidak sahlah akan menjejaskan usaha kita dalam memerangi pandemik COVID-19.

"Marilah kita terus berdoa agar pandemik COVID-19 yang sedang melanda dapat diatasi sepenuhnya demi menjaga kemakmuran, kestabilan ekonomi dan ketenteraman awam negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pengisytiharan Proklamasi Darurat bagi mengengkang pandemik COVID-19 tidak se-

harusnya dipolitikkan dan konteks kepentingannya perlu difahami.

Beliau berkata, proklamasi berkenaan bagi memudah cara dan memperkasa segala tindakan kerajaan dalam mengawal penularan virus dengan membuat ordinar baharu tanpa perlu melalui proses pengubalan undang-undang di Parlimen yang mengambil masa.

"Bila kita isytihar darurat, kita boleh buat undang-undang di bawah ordinar darurat untuk tingkatkan kompaun.

"Contohnya, mungkin denda terhadap syarikat yang melanggar peraturan dinaikkan dan perkara itu sedang dikaji oleh Jabatan Peguam Negara.

"Undang-undang ini juga bertujuan mencegah kesalahan yang berulang. Sekiranya dinaikkan jumlah denda, mungkin individu atau syarikat akan berasa takut untuk mengulangi kesalahan sama," katanya.

Ismail Sabri berkata, penyediaan draf ordinar oleh Jabatan Peguam Negara berjalan lancar dan dijangka diumumkan dalam masa terdekat dan sebaik diumumkan, penguatkuasaan ordinar berkenaan adalah muktamad dan serbata-merta.

"Peguam Negara akan draf cadangan (undang-undang) dan di-

benang kepada MKN (khas untuk darurat).

"Kalau ordinar itu dipersetujui, ia akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Sejurus diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong ia akan menjadi undang-undang," katanya.

Ordinar membolehkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dipinda bagi membendung, meningkatkan keberkesanan, termasuk meningkatkan penalti atau hukuman ke atas sesiapa melanggar undang-undang dan peraturan berkaitan, berkuat kuasa sepanjang tempoh darurat sahaja.

Ismail Sabri berkata, Jabatan Peguam Negara juga sedang mengkaji pelaksanaan undang-undang mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), iaitu bagi menyediakan penginapan kepada pekerja asing dengan mematuhi spesifikasi ditetapkan.

"Banyak kes COVID-19 dilaporkan berlaku dalam kalangan pekerja kilang akibat isu perumahan yang sesak dan jangkitan mudah berlaku.

"Syarikat mahu untung besar, namun kebajikan pekerja tidak dititikberatkan.

"Di bawah ordinar ini, kami



Mohd Zuki Ali

mungkin akan berikan syarat atau arahan menyediakan perumahan selesa dan tindakan akan diambil sekiranya ingkar," katanya.

Ketika ini, sebagai langkah mengurangkan jangkitan COVID-19, kerajaan juga mewajibkan majikan untuk memastikan pekerja asing yang digajikan mereka menjalani ujian saringan COVID-19 bermula 1 Januari.

"Setakat ini, lebih 100,000 pekerja asing di sektor perkilangan sudah menjalani ujian saringan dan Kementerian Sumber Manusia menyasarkan 880,000 pekerja asing di sektor ini selesai menjalani ujian saringan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing sebelum ini dilaporkan berkata, Perakuan Penginapan akan menjadi prasyarat kepada majikan yang berhasrat mengambil pekerja asing baharu berkuat kuasa 1 Julai 2021.

Katanya, sebelum majikan membuat permohonan membawa masuk pekerja asing, mereka perlu mendapatkan Perakuan Penginapan daripada Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan Jabatan Imigresen mengeluarkan visa. **BERNAMA**